

## **Bab 5 : PENJANA PEMBANGUNAN EKONOMI BERSTRUKTUR**

Dalam aspek ekonomi ini, LCE telah memperlihatkan kesungguhan dan usaha gigih untuk memperbaiki dan membangunkan ekonomi negeri Pulau Pinang yang agak lembab sebelum beliau memegang jawatan Ketua Menteri. Kegawatan ekonomi negeri ini berlaku akibat dilanda masalah kadar pengangguran yang tinggi iaitu dianggarkan kira-kira 39000 hingga 41000 orang yang menganggur mewakili 15.6 peratus jumlah tenaga buruh di pulau ini dan angka pengangguran ini adalah yang tertinggi di Malaysia.<sup>1</sup> Atas kesedaran LCE bahawa beliau harus segera memulihkan ekonomi Pulau Pinang sebagaimana yang dijanjikan dalam Pilihanraya Umum 1969 kepada penduduk negeri ini.<sup>2</sup> Oleh itu, beliau mengambil pelbagai langkah untuk tujuan itu, antaranya ialah penubuhan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan memajukan industri pelancongan.

### **Penubuhan Perbandanan Pembangunan Pulau Pinang ( PDC )**

Perlantikan LCE sebagai Pengurus PDC dan penubuhan Perbadanan ini telah dibuat pada 17 November 1969 di bawah Enakmen Dharurat ( Pulau Pinang ) No.3, 1969 yang dikuatkuasakan di bawah Ordinan No.8 ( Kuasa-Kuasa Perlu ) Dharurat, 1969. Perbadanan ini telah mengadakan mesyuarat pertamanya pada 13 Julai 1970.<sup>3</sup>

Perbadanan ini ditubuhkan oleh LCE untuk bertanggungjawab mengadakan dan menguruskan program-program pembangunan ekonomi kerajaan negeri Pulau Pinang

<sup>1</sup> “ Wawancara dengan YAB Dr.Lim Chong Eu, Ketua Menteri Pulau Pinang, ” dalam *Puspaniaga*, Disember 1977, hlm.1. Fred R.Von der Mehden, *Industrialization in Malaysia : A Penang Micro-Study*, William Marsh Rice University, Texas, 1973, hlm.3. *Sing Pin Jit Poh*, 17/3/73, SP45/3237, Vol.13, No.52.

<sup>2</sup> *Straits Times*, 26/10/70, SP45/3230, Vol.6, No.52.

dengan cara memajukan, mengarah dan melaksanakan kerja-kerja pembangunan dalam bidang pertanian, perindustrian, perniagaan, perdagangan, perumahan dan projek-projek pembangunan yang lain.<sup>4</sup> Ringkasnya, di bawah arahan dan pimpinan LCE, PDC menjadi sebuah badan di Pulau Pinang yang giat membentuk polisi ekonomi dan melaksanakan rancangan pembangunan ekonomi di negeri tersebut terutamanya dalam sektor perindustrian.

Masalah kemelesetan ekonomi Pulau Pinang telah disedari oleh LCE sejak tahun 1960an.<sup>5</sup> Sungguhpun beliau berasal daripada keluarga ternama dan menjalani kehidupan mewah di Pulau Pinang, namun beliau dapat memahami kehidupan susah masyarakat negeri ini hasil daripada pengalaman dan penelitiannya. Kesempitan hidup yang dilaluinya semasa di negara China selama tiga tahun ( 1944 hingga 1947 ) telah memberi pendedahan kepada LCE erti kemiskinan. Kepimpinannya dalam GERAKAN juga mendedahkan beliau dengan masalah yang sama. Penglibatan LCE yang lama dalam kancang politik di Pulau Pinang menyedarkan beliau bahawa sokongan kuat masyarakat negeri ini kepada GERAKAN adalah kerana mereka menaruh harapan yang tinggi kepada beliau untuk mengubah nasib mereka.<sup>6</sup> Ahli GERAKAN di Pulau Pinang juga sedar tanggungjawab berat ini yang disandarkan kepada mereka.<sup>7</sup> Ahli-ahli perniagaan pula sering meminta LCE menyelesaikan dan membantu mereka dalam soal-soal

---

<sup>3</sup> Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, *Laporan Tahunan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang 1970*, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, Pulau Pinang, 1971, hlm.1. Kandungan Enakmen PDC boleh dilihat dalam Lampiran 4.

<sup>4</sup> *Penang Master Plan : Summary and Recommendations*, Volume 1, Mac 1970, hlm.95. *Investment Guide To Penang*, 7 Edition, Penang Development Corporation, 1977, hlm.30.

<sup>5</sup> Semasa LCE berkempen untuk Pilihanraya Umum 1964, salah satu manifesto UDP ialah membangunkan ekonomi Pulau Pinang. *Straits Echo*, 29/3/69. Isu yang sama sekali lagi dibangkitkan semasa beliau berkempen untuk GERAKAN dalam Pilihanraya Umum 1969. *Malay Mail*, 4/5/69.

<sup>6</sup> *Straits Echo*, 8/5/69.

<sup>7</sup> *Sing Pin Jit Poh*, 14/2/72, SP45/3234, Vol.10, No.52. *Nanyang Siang Pao*, 17/6/72, SP45/3235, Vol.11, No.52.

ekonomi.<sup>8</sup> Ini semua memberi perangsang tinggi kepada LCE supaya menyelesaikan masalah ekonomi di Pulau Pinang dengan cara yang lebih tegas.

Bagi LCE, salah satu punca kemerosotan ekonomi di Pulau Pinang adalah kerana arus perubahan yang dipergiatkan oleh dasar politik dan ekonomi Kerajaan Pusat pada tahun 1960an yang telah mengubah senario ekonomi negeri Pulau Pinang. Ini berikutan konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia, penarikan balik status pelabuhan bebas Pulau Pinang serta pembangunan lain-lain pusat pertumbuhan terutamanya di Lembah Kelang dan ibu negara telah mendarangkan kesan yang buruk kepada aktiviti-aktiviti perdagangan negeri ini. Keadaan bertambah buruk kerana sebahagian besar tenaga buruh di negeri ini adalah terlibat dalam aktiviti perdagangan. Dengan itu, pengurangan aktiviti perniagaan telah mengakibatkan masalah pengangguran yang besar. Keadaan ini memberi idea kepada LCE untuk menubuhkan sebuah organisasi seperti PDC yang bertanggungjawab mengkaji dan merancang pembangunan ekonomi masa depan Pulau Pinang.<sup>9</sup>

Semasa LCE memegang jawatan Ketua Menteri, beliau bekerja keras menubuhkan PDC untuk tujuan menyelaraskan rancangan pembangunan ekonomi Pulau Pinang.<sup>10</sup> Bagi LCE, PDC merupakan alat untuk mencapaikan cita-cita dan matlamat

<sup>8</sup> Antara mereka yang menemui LCE ialah wakil dari Dewan Perniagaan Cina, Melayu, India dan Barat. Mereka mengemukakan memorandum untuk menyatakan masalah mereka iaitu meminta supaya tempoh perkhidmatan feri dilanjutkan supaya lori dapat lebih awal atau lebih lewat menggunakan perkhidmatan itu. *Kwong Wah Jih Poh*, 12/6/69, *Straits Echo*, 12/6/69, SP45/3225, Vol.1, No.52. Perwakilan yang sama mengemukakan satu lagi memorandum untuk meminta Kerajaan Negeri mengkaji semula kadar cukai yang dikenakan. *Straits Echo*, 14/2/70, *Malay Mail*, 14/2/70, SP45/3228, Vol.4, No.52.

<sup>9</sup> Di Persidangan Dewan Undangan Negeri pada tahun 1964, pihak pembangkang yang diketuai oleh LCE telah berdebat mengenai kesejahteraan ekonomi negeri dengan Kerajaan Perikatan. Sewaktu mendebatkan Rang Undang-Undang Pembekalan Negeri Pulau Pinang untuk tahun 1965, beliau telah menyeru kepada pembentukan sebuah organisasi untuk mengkaji pembangunan masa depan Pulau Pinang. Bagaimanapun, cadangan ini ditolak oleh Kerajaan Negeri. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, *Pulau Pinang : Kenangan dan Harapan 20 Tahun Pencapaian*, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, Pulau Pinang, 1990, hlm.8.

<sup>10</sup> *Sin Chew Jit Poh*, 18/10/69, SP45/3227, Vol.3, No.52.

ekonomi beliau sendiri dan GERAKAN dalam usaha membangunkan ekonomi negeri ini iaitu memulihkan ekonomi dan aktiviti perdagangan di Pulau Pinang, menciptakan lebih banyak peluang pekerjaan serta menanamkan keyakinan diri di kalangan penduduk Pulau Pinang dengan cara memperbaiki keadaan taraf hidup masyarakat dan meningkatkan pendapatan mereka.<sup>11</sup> Oleh itu, LCE telah menetapkan tugas-tugas PDC sebagaimana yang dicatatkan dalam seksyen 14, Enakmen PDC, 1971 iaitu pertama, memajukan pembangunan kawasan-kawasan perusahaan, pertanian, perdagangan, perumahan dan perniagaan yang ditetapkan bagi tujuan-tujuan itu serta melaksanakan rancangan-rancangan perindustrian, perniagaan, perdagangan, pertanian dan perumahan. Kedua, atas persetujuan Pihak Berkuasa dalam negeri yang berkenaan, mengeluarkan modal, menjalankan atau membantu menjalankan rancangan pembangunan bandar dan luar bandar atau pembangunan semulanya. Ketiga, menjalankan pemulihan semula tanah-tanah tenggelam ( land reclamation work ) dan mengambil bahagian dalam bidang perlombongan. Keempat, menjalankan segala usaha dan tindakan yang dirasakan perlu untuk menjalankan atau melakukan semua atau mana-mana suatu kewajipan dan tugas Perbadanan. Kelima, berfungsi sebagai kuasa luar bandar di daerah-daerah luar bandar jika dibenarkan oleh undang-undang.<sup>12</sup>

Sesungguhnya LCE menaruhkan harapan yang tinggi kepada PDC untuk membawa kemajuan dalam sektor perikanan, perindustrian, pertanian, perdagangan dan perumahan<sup>13</sup> di Pulau Pinang. Pada tahun 1970, beliau turut menggariskan panduan dasar-dasar PDC iaitu untuk mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan,

<sup>11</sup> *Straits Times*, 2/8/71, *Kwong Wah Jih Poh*, 4/10/71, SP45/3233, Vol.9, No.52.

<sup>12</sup> Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, *Enakmen Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang 1971*, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, Pulau Pinang, 1971, hlm.5.

<sup>13</sup> *Nanyang Siang Pao*, 27/3/70, *Sin Chew Jit Poh*, 27/3/70, SP45/3228, Vol.4, No.52.

mengutamakan rancangan-rancangan perindustrian yang menggunakan tenaga pekerja yang ramai dan juga yang bercorak eksport, memperbaiki ketidakseimbangan dari segi ekonomi penduduk-penduduk dan juga memajukan pertumbuhan ekonomi di kawasan-kawasan luar bandar, mengutamakan kegiatan-kegiatan dalam bidang pertanian dengan memajukan perusahaan-perusahaan yang berdasarkan pertanian serta menjalankan usaha-usaha penggalakkan perusahaan yang luas dan intensif di dalam dan di luar negeri supaya Pulau Pinang dapat dijadikan sebuah pusat tanaman modal yang menarik.<sup>14</sup>

Selain itu, penubuhan PDC di bawah pimpinan LCE juga bertujuan memenuhi matlamat Dasar Ekonomi Baru ( DEB ) iaitu pertama, mengurangkan dan seterusnya membasmikan kemiskinan dengan menambahkan pendapatan dan meningkatkan peluang pekerjaan kepada semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum. Kedua, mempercepatkan proses penyusunan semula masyarakat bagi membaiki keadaan ekonomi yang tidak seimbang.<sup>15</sup> Baginya, tujuan beliau membangunkan ekonomi Pulau Pinang melalui penubuhan PDC adalah untuk membawa kemakmuran kepada penduduk di Malaysia tanpa mengira kaum, kepercayaan dan kedudukan dalam masyarakat.<sup>16</sup> Beliau percaya hanya pengagihan ekonomi yang samarata inilah dapat mewujudkan perpaduan di kalangan kaum yang penting bagi melahirkan sebuah masyarakat yang bersatu dan adil.<sup>17</sup> Ini dapat dilihat apabila LCE selalu menyeru seluruh rakyat Malaysia khususnya di Pulau Pinang supaya bersatu hati memajukan ekonomi negeri tersebut.<sup>18</sup> Bagi LCE, segala rancangan penbangunan ekonomi PDC hanya dapat dilaksanakan dengan adanya

---

<sup>14</sup> Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, *Laporan Tahunan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang 1970*, hlm.3.

<sup>15</sup> Malaysia, *Rancangan Malaysia Kedua ( 1971-1975 )*, Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur, 1973, hlm.1.

<sup>16</sup> *Kwong Wah Jih Poh*, 15/8/71, SP45/3233, Vol.9, No.52.

<sup>17</sup> *Malayan Thung Pao*, 31/8/71, *China Press*, 31/8/71, SP45/3233, Vol.9, No.52.

kerjasama dari semua kaum.<sup>19</sup> Tindakan dan kesedaran LCE ini telah mendapat pujian ramai pihak.<sup>20</sup> Menurut Timbalan Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri iaitu Abdul Talib bin Muhammad :

*I am glad to say that the Chief Minister Dr.Lim Chong Eu has recongnised this need.*<sup>21</sup>

Walau bagaimanapun, penubuhan PDC dan perlantikan LCE ini tidak disambut baik oleh parti pembangkang iaitu DAP. Parti ini telah mengkritik beliau lambat menubuhkan PDC dan tidak mengumumkan rancangan pembangunannya di Pulau Pinang secara terperinci.<sup>22</sup>

Langkah LCE menubuhkan PDC dilihat oleh sesetengah pihak sebagai satu sikap pemimpin yang '*brilliant political foresight*'. Mengikut *The Star* :

*Perhaps Dr.Lim's favourite and the greatest contribution to Penang and Malaysia was the establishment of Penang Development Corporation. Come morning rain and shine the chairman would be in the PDC to personally exemplify work ethic, generate principle and drive for the Economic Renaissance of Penang.*<sup>23</sup>

Perlantikan LCE sebagai Pengurus PDC dibuat pada November 1969 mengikut Seksyen 4 dan 5 Enakmen PDC Tahun 1971. Bagaimanapun, beliau hanya bertugas

<sup>18</sup> *China Press*, 29/6/69, *Kwong Wah Jih Poh*, 7/9/69, *Straits Echo*, 31/8/70, *Sing Pin Jit Poh*, 7/2/71, *The Star*, 1/7/72.

<sup>19</sup> *Nanyang Siang Pao*, 26/10/69, *Straits Times*, 31/8/70, *Kwong Wah Jih Poh*, 24/12/71, *Straits Echo*, 25/9/72, *Straits Echo*, 22/7/73.

<sup>20</sup> Sokongan kepada rancangan pembangunan ekonomi LCE dinyatakan oleh Perdana Menteri, Tengku Abdul Rahman, Timbalan Perdana Menteri Tun Razak dan Ketua Setiausaha Kerajaan Pusat iaitu Tan Sri Abdul Kadir bin Shamsuddin. *Kwong Wah Jih Poh*, 27/6/69. *Straits Times*, 31/7/69, *Straits Echo*, 16/5/70.

<sup>21</sup> *Straits Echo*, 5/1/71, SP45/3231, Vol.7, No.52.

<sup>22</sup> *Sin Chew Jit Poh*, 27/4/71, *Straits Times*, 28/4/71, SP45/3232, Vol.8, No.52.

secara rasmi pada 1 Februari 1970.<sup>24</sup> Sebelum itu, beliau bertindak menyediakan segala struktur dan rangka kerja PDC.

Beliau dibantu oleh YB. Encik Ya'acob bin Hitam sebagai Timbalan Pengerusi dan tujuh ahli Jawatankuasa yang lain.<sup>25</sup> Semua ahli Perbadanan ini dilantik oleh Pihak Yang Berkuasa Negeri dan mereka bertugas untuk tempoh setahun sahaja dan perlantikan semula akan dibuat selepas itu.<sup>26</sup>

Dalam mengadakan struktur PDC, LCE pada peringkat awal telah meminjam pengawai-pengawai dari Bahagian Ekonomi di Pejabat Setiausaha Kerajaan. Ini kerana kebanyakan cadangan dan projek yang diilhamkan oleh Jawatankuasa Perusahaan Negeri dan diselenggarakan oleh Bahagian Ekonomi, Pejabat Setiausaha Kerajaan telah diambil alih oleh PDC pimpinan LCE. Oleh itu, tindakan LCE ini adalah penting pada peringkat ini di mana cadangan dan projek ini terus dikaji dengan menggunakan perkhidmatan pengawai dan kakitangan Bahagian Ekonomi ini. Selain itu, seorang Ketua Penolong Setiausaha / Ekonomi telah memegang jawatan sebagai Setiausaha PDC dan PDC mempunyai dua orang Penolong Setiausaha, seorang kerani, seorang jururingkas dan dua orang jurutaip.<sup>27</sup> Semasa LCE merancangkan projek-projek pembangunan PDC, beliau mendapatkan panduan daripada pakar penasihat dari luar negeri iaitu Prof.S.J.Van Embden, seorang perancang dan arkitek dari Belanda.<sup>28</sup>

---

<sup>23</sup> *The Star*, 10/11/90.

<sup>24</sup> Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, *Laporan Tahunan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang 1970*, hlm.1.

<sup>25</sup> Mereka ini ialah Penasihat Undang-Undang Negeri, Pegawai Kewangan Negeri, Encik Ooi Chooi Cheng, Pegawai Pelaburan Daerah, Pengarah Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan, Ketua Penolong Setiausaha/Ekonomi, Ketua Bahagian Perancang Ekonomi. *Ibid.*

<sup>26</sup> *Nanyang Siang Pao*, 23/5/70, SP45/3229, Vol.5, No.52.

<sup>27</sup> Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, *Laporan Tahunan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang 1970*, hlm.2.

<sup>28</sup> Beliau adalah Profesor Universiti Delft di Belanda dan Penasihat Universiti Singapura. *Malay Mail*, 4/8/70, *China Press*, 4/8/70, SP45/3229, Vol.5, No.52.

Untuk melicinkan pelaksanaan dan pentadbiran PDC, LCE telah mendapatkan bantuan Kerajaan Persekutuan dan Bank Negara dari segi pengambilan pegawai dan kakitangan untuk berkhidmat di Perbadanan ini. Encik Chet Singh dan Encik Ahmad Khairummuzammil bin Mohd Yusoff adalah dipinjam dari Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik kepada PDC sebagai Pengurus Besar dan Setiausaha. Dua lagi pegawai lain yang dipinjam kepada PDC ialah Encik Wong Pak Sun dan Encik Chee Sek Pan. Encik Wong dipinjam daripada Bank Negara kepada Perbadanan sebagai Pengarah Penyelidikan dan Perancangan, Encik Chee dipinjam daripada Kementerian Pertanian dan Perikanan kepada Perbadanan sebagai Pengarah Perusahaan *Agro-based*. Selain itu, LCE turut menempatkan Pejabat PDC di Tingkat 9, Bangunan Tuanku Syed Putra.<sup>29</sup>

Pada tahun 1972, LCE memberikan perhatian yang lebih berat kepada perkembangan PDC dari segi tugas-tugasnya, jumlah kegiatan yang dijalankan dan hasil yang dicapai serta perkembangan dalam bentuk pertubuhannya. Ini kerana beliau melihat tahun berkenaan sebagai titik peralihan pembangunan ekonomi di Pulau Pinang.<sup>30</sup> Susulan itu, LCE telah memperkenalkan kumpulan kakitangan yang khusus untuk Perbadanan seperti Bahagian Kerja, Bahagian Penggalakan dan Pelaburan, Bahagian Zon-Zon Perdagangan Bebas.<sup>31</sup> Selain itu, LCE juga menjalankan usaha mendapatkan lebih ramai kakitangan dalam PDC kerana ingin memperluaskan peranan Perbadanan

<sup>29</sup> Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, *Laporan Tahunan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang 1972*, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, Pulau Pinang, 1973, hlm.21. Pada tahun 1974, Perbadanan terpaksa memperluaskan ruang pejabatnya disebabkan pertambahan dalam bilangan kakitangannya. Perbadanan ini telah berjaya memperolehi sebuah pejabat cawangan di 3A/B, Jalan Batu Gantong. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, *Laporan Tahunan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang 1974*, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, Pulau Pinang, 1975, hlm.30.

<sup>30</sup> *Sin Chew Jit Poh*, 31/12/71, SP45/3234, Vol.10, No.52.

<sup>31</sup> Ini dapat ditunjuk berdasarkan pertambahan bilangan mesyuarat yang telah diadakan pada tahun 1972. Perbadanan telah mengadakan sepuluh mesyuarat sepanjang tahun 1972 berbanding lima pada tahun 1971. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, *Laporan Tahunan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang 1972*, hlm.2.

dalam membangunkan ekonomi negeri ini. Sebagai hasilnya, jumlah kakitangan PDC meningkat setiap tahun.<sup>32</sup> Dalam pada itu, LCE turut menggariskan dasar PDC iaitu menghantarkan seberapa ramai pegawai yang boleh untuk melanjutkan pelajaran dan latihan bagi meningkatkan mutu perkhidmatan kakitangan. Bagi LCE, beliau sedar betapa pentingnya kakitangan ini diberi latihan sewaktu mereka berkhidmat. Selaras dengan dasar ini, seorang pegawai kanan daripada Perbadanan telah menghadiri satu kursus khas untuk pegawai-pegawai daripada Perbadanan-Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri mengenai projek-projek Penyelidikan yang telah diadakan pada November 1972 di Institut Tadbiran Awam Negeri ( INTAN ), Petaling Jaya selama dua minggu. Seorang lagi pegawai telah menghadiri satu kursus latihan selama dua minggu juga di South East Asia Pasific Centre di Kuala Lumpur dalam bulan Oktober 1972.<sup>33</sup>

Sebagai Pengerusi PDC, LCE bertanggungjawab secara menyeluruh terhadap rancangan pembangunan ekonomi PDC. Beliau terlibat secara langsung dengan keputusan mengenai projek PDC. Sungguhpun LCE sibuk dengan tugas harian sebagai Ketua Menteri tetapi beliau melaksanakan tanggungjawab yang lebih daripada seorang pengurus biasa kerana bercita-cita tinggi menjayakan Perbadanan ini. Keazaman LCE ini menyebabkan beliau bersikap tegas semasa menjalankan tugas. Mengikut *New Straits Times* :

<sup>32</sup> Pada tahun 1971, jumlah kakitangan PDC ialah 21 orang, meningkat kepada 48 orang pada 1972, angka ini bertambah kepada 105 orang pada 1973 dan 126 orang pada tahun 1974. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, *Laporan Tahunan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang 1974*, hlm.3.

<sup>33</sup> Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, *Laporan Tahunan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang 1972*, hlm.21. Pada tahun 1973, PDC menghantar seorang pegawai menghadiri kursus mengenai *Budgetting for Executive* di Pusat Pengeluaran Negara, Kuala Lumpur. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, *Laporan Tahunan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang 1973*, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, Pulau Pinang, 1974, hlm.34.

*In reality, he was never much of a party man... these factors kept him on straight line. He is very single-minded... he cannot be unduly influenced.*<sup>34</sup>

Untuk menjadikan PDC sebuah Perbadanan yang terkenal dan diterima oleh masyarakat Pulau Pinang. Beliau sering mengadakan sidang pemberita untuk menjelaskan tujuan PDC dan bagaimana ia dapat membangunkan ekonomi Pulau Pinang.<sup>35</sup> Selain itu, LCE juga yakin dengan cara ini, sektor swasta akan benar-benar faham tentang kepentingan PDC.<sup>36</sup>

Dalam melaksanakan rancangan PDC, LCE cuba memberikan perhatian secara menyeluruh terhadap semua kegiatan ekonomi dan sosial masyarakat Pulau Pinang. Beliau dan PDC berusaha memajukan sistem pertanian, perikanan, perusahaan, perdagangan dan pembinaan rumah.<sup>37</sup> Tumpuan utama LCE dan PDC ialah perindustrian kerana ia adalah kegiatan ekonomi utama. Beliau dan PDC cuba mengubah corak ekonomi Pulau Pinang daripada berbentuk *agro-based* kepada *pre-industrial*.<sup>38</sup> Di bawah arahan LCE, PDC menguruskan Kompleks-Kompleks Perusahaan Mak Mandin ( 320 ekar ), Prai ( 2252 ekar ) dan Bagan Serai ( 180 ekar ) dengan mengendalikan semua pertanyaan berkaitan tapak-tapak perusahaan dan lain-lain kemudahan infrastruktur yang penting di kawasan-kawasan tersebut di samping bertanggungjawab memproses semua permohonan bagi mendapatkan tapak-tapak kilang dalam Kompleks Perusahaan.<sup>39</sup> Pada tahun 1971, LCE mengumunkan pengambilalihan sepenuhnya hal ehwal pengurusan ladang-ladang perusahaan dan Zon-Zon Perdagangan Bebas di bawah pentadbiran

<sup>34</sup> *New Straits Times*, 1/4/95.

<sup>35</sup> *Sin Chew Jit Poh*, 13/3/70.

<sup>36</sup> *Kwong Wah Jih Poh*, 11/9/70, SP45/3229, Vol.5, No.52.

<sup>37</sup> *Sin Chew Jit Poh*, 27/3/70.

<sup>38</sup> *The Star*, 9/1/74, SP45/3240, Vol.16, No.52.

Perbadanan.<sup>40</sup> Punca LCE bertindak demikian merupakan satu langkah mengatasi masalah *Bogus Agents*.<sup>41</sup> Hasilnya, mulai dari 1 Januari 1972, PDC telah mengambil alih tanggungjawab sepenuhnya daripada Kerajaan Negeri untuk pengurusan dan kemajuan perusahaan di Pulau Pinang.<sup>42</sup> Pada akhir tahun 1973, terdapat lapan buah kawasan perusahaan yang dimajukan oleh PDC pimpinan LCE berbanding tujuh pada tahun 1971.<sup>43</sup> Selain itu, PDC turut berusaha mempromosikan negeri ini sebagai pusat pelaburan dan pelancongan yang menarik. Oleh itu, LCE telah menjemput pihak-pihak yang berminat untuk melawati negeri ini bagi menyakinkan mereka tentang peluang-peluang yang sedia ada di negeri ini.<sup>44</sup>

Dengan meneliti kegiatan PDC itu terdapat beberapa perkara cuba dilakukan oleh LCE sebagai Pengurus PDC. Antaranya beliau cuba mengatasi masalah pengangguran di Pulau Pinang. Oleh itu, beliau dan PDC memperkenalkan satu kegiatan ekonomi yang

---

<sup>39</sup> Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, *Laporan Tahunan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang 1970*, hlm.3.

<sup>40</sup> Sebelum ini, PDC memikul tanggungjawab ini bersama dengan Bahagian Ekonomi, Pejabat Setiausaha Kerajaan dalam pentadbiran kawasan perusahaan. Kawasan-kawasan terlibat ialah Mak Mandin, Prai, Bagan Serai dan Zon Perdagangan Bebas di Bayan Lepas, Dermaga Prai dan Pulau Jerenjak. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, *Laporan Tahunan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang 1971*, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, Pulau Pinang, 1972, hlm.4.

<sup>41</sup> *Bogus Agents* merupakan pihak yang menyalahgunakan nama kerajaan untuk membenarkan permohonan membina kilang di Pulau Pinang. Kumpulan ini mendakwa boleh mendapatkan permit pembinaan kilang dalam masa yang singkat. *Straits Echo*, 20/3/70, SP45/3228, Vol.4, No.52.

<sup>42</sup> Sebelum ini, Bahagian Ekonomi, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah bertanggungjawab mengenai kawasan-kawasan perusahaan, sementara memajukan kawasan perusahaan sebahagian besar adalah dijalankan oleh PDC. Akibatnya, terdapat kekeliruan di kalangan pengusaha – pengusaha mengenai siapa permohonan untuk tapak kilang dalam negeri hendak dirujukkan. Begitu juga terdapat kekeliruan di antara jabatan-jabatan kerajaan yang lain mengenai manakah agensi untuk dihubungi berkaitan dengan perkara-perkara seperti bekalan kemudahan infrastruktur dan perkhidmatan. Dengan itu, pengambilalihan tanggungjawab tersebut dapat menyelaraskan peraturan-peraturan pentadbiran untuk penubuhan projek-projek perusahaan di dalam negeri dilihat dari pandangan pelabur-pelabur dan pengusaha-pengusaha serta mempercepatkan usaha Perbadanan untuk membina perhubungan yang cekap dan berkesan dengan pelbagai jabatan kerajaan. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, *Laporan Tahunan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang 1972*, hlm.3.

<sup>43</sup> Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, *Laporan Tahunan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang 1973*, hlm.4.

<sup>44</sup> Usaha-usaha Perbadanan menjalankan kegiatan menggalakkan pelaburan dan industri pelancongan akan dijelaskan lebih lanjut dalam bahagian-bahagian lain dalam bab ini. *Sing Pin Jit Poh*, 24/8/72, *Sin Chew Jit Poh*, 24/8/72, SP45/3235, Vol.11, No.52.

baru di negeri tersebut iaitu industri elektronik kerana ia bersifat intensif buruh.<sup>45</sup> Mengikut kajian LCE, setiap pelaburan sebanyak 1500 ringgit dalam industri elektronik akan mencipta satu pekerjaan baru.<sup>46</sup> Maka, beliau berusaha giat menjadikan Pulau Pinang sebagai pusat industri elektronik di Malaysia.<sup>47</sup> Hasilnya, PDC menanam modal dalam perusahaan elektronik dengan menujuhkan sebuah syarikat elektronik yang dinamakan Penang Electronics Sdn.Bhd pada 24 Julai 1970 untuk bergiat dalam bidang elektronik.<sup>48</sup> Selain itu, LCE juga mengambil keputusan mendirikan kilang elektronik tersebut di Bayan Lepas. Tujuan utama beliau berbuat demikian adalah menggalakkan kawasan perdagangan bebas Bayan Lepas menjadi kawasan yang sesuai bagi sebuah pusat elektronik diadakan. Oleh itu, Penang Electronics Sdn.Bhd. merupakan kilang perintis yang ditubuhkan sebagai usaha penggalakkan.<sup>49</sup> Beliau juga ingin menjadikan

<sup>45</sup> *Straits Echo*, 4/10/71, SP45/3233, Vol.9, No.52. "Ucapan Dr.Lim Chong Eu di Pulau Pinang pada 16 Julai 1971," dalam Lim Choon Choo, *Koleksi Teks Ucapan Dr.Lim Chong Eu*, hlm.7-9.

<sup>46</sup> *Kwong Wah Jih Poh*, 11/9/70.

<sup>47</sup> *Nanyang Siang Pao*, 1/2/72, *Sin Chew Jit Poh*, 2/2/72, SP45/3234, Vol.10, No.52. *Straits Echo*, 6/11/73, SP45/3239, Vol.15, No.52. Hari ini, Pulau Pinang muncul sebagai pusat elektronik yang terkenal di dunia dan dikenali sebagai *Silicon Island* dalam dunia elektronik. Cenderamata "Men of Vision," in *Jaycees Pulau Pinang 1955-1988*, Pulau Pinang, 1989, hlm.38. Negeri Kelantan dan Melaka juga memajukan industri elektronik kerana pengaruh Pulau Pinang. *Sing Pin Jit Poh*, 26/5/73, SP45/3238, Vol.14, No.52. Selain itu, PDC juga menghantarkan bantuan kepada Kota Bahru dan Kuantan untuk mendirikan kilang elektronik di negeri tersebut. *Straits Echo*, 12/9/70, SP45/3229, Vol.5, No.52.

<sup>48</sup> Cadangan untuk menujuhkan perusahaan elektronik dikemukakan dalam satu mesyuarat Jawatan Pelaburan Modal di Pulau Pinang pada Jun 1969. Pada 20 Februari 1970, Encik L.L.Ross dari California, Amerika Syarikat dilantik sebagai wakil Penggalak perusahaan bagi PDC terutamanya dalam bidang elektronik. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, *Laporan Tahunan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang 1970*, hlm.5.

<sup>49</sup> *Nanyang Siang Pao*, 16/4/70, *Sing Pin Jit Poh*, 16/4/70, SP45/3229, Vol.5, No.52. Pada April 1970, kilang elektronik ini hanya ambil 60 pekerja. Menjelang akhir tahun 1973, kilang-kilang elektronik ini memerlukan seramai 9800 pekerja. *Straits Echo*, 27/2/73, SP45/3237, Vol.13, No.52. *Sin Chew Jit Poh*, 5/10/73, SP45/3239, Vol.15, No.52. Pertambahan permintaan pekerja ini menaikkan upah pekerja elektronik iaitu dari dua ringgit pada 1971 kepada 2.40 ringgit hingga 2.60 ringgit pada 1973. *China Press*, 8/4/73, *The Star*, 8/4/73, SP45/3239, Vol.15, No.52. Bagaimanapun, Perikatan Pulau Pinang dan Pekemas telah mengkritik LCE dengan alasan kilang elektronik tidak menyediakan pekerjaan yang banyak dan gaji yang diperolehi oleh pekerja terlalu rendah. *Malayan Thung Pao*, 27/12/70, SP45/3230, Vol.6, No.52. *Kwong Wah Jih Poh*, 22/1/71, SP45/3231, Vol.7, *Sing Pin Jit Poh*, 1/12/72, SP45/3236, Vol.12, No.52.

Bayan Lepas sebagai “ Satellite Town ”.<sup>50</sup> Ini bererti, melalui PDC, LCE dapat membawa Pulau Pinang memasuki era elektronik.<sup>51</sup>

Selain itu, LCE dan PDC juga memulakan industri cendawan sebagai langkah mengatasi masalah pengangguran.<sup>52</sup> Beliau berpendapat industri pertanian memainkan peranan sama penting dengan sektor perkilangan dan pelancongan dalam usaha membangunkan ekonomi Pulau Pinang.<sup>53</sup> Oleh itu, PDC pimpinan LCE melabur dalam projek penanaman cendawan. Projek ini bermula dengan lawatan Encik G.C.Griffiths dari Warington Yale Group Ltd, Churchil Samerset, U.K ke Pulau Pinang pada bulan Mei 1970 atas jemputan Kerajaan Negeri.<sup>54</sup>

Projek ini diusahakan oleh LCE kerana menyedari ia mempunyai prospek yang besar.<sup>55</sup> Langkah ini adalah selaras dengan usaha Kerajaan Negeri memberi fokus kepada *agro-horticultural* iaitu penubuhan industri cendawan.<sup>56</sup> Ia juga selaras dengan dasar

<sup>50</sup> Mengikut LCE, setelah projek perindustrian di Bayan Lepas berakhir, kawasan ini akan menjadi kawasan perindustrian dan kawasan perumahan. Kilang elektronik ini akan menyediakan 4000 pekerjaan dan penduduk mempunyai 40000 orang dengan dilengkapi kemudahan sekolah, hospital, taman permainan kanak-kanak dan pusat membeli-belah. Projek ini dinamakan Rancangan Kemajuan Muhibbah Bayan Lepas. *China Press*, 11/4/70, SP45/3228, Vol.4, No.52. *Sin Chew Jit Poh*, 16/4/70.

<sup>51</sup> *Nanyang Siang Pao*, 2/5/70, SP45/3229, Vol.5, No.52.

<sup>52</sup> *Straits Times*, 9/1/74, SP45/3240, Vol.16, No.52. Mengikut LCE, sebuah kilang cendawan dapat mencipta 2000 pekerjaan iaitu kerja menanam, menuai dan memproses makanan dalam tin serta pengangkutan. *Sing Pin Jit Poh*, 6/6/71, SP45/3232, Vol.8, No.52.

<sup>53</sup> *China Press*, 15/2/71, *Straits Echo*, 15/2/71, SP45/3231, Vol.7, No.52.

<sup>54</sup> G.C.Griffiths merupakan salah seorang penanam cendawan yang terkemuka sekali di Eropah dan mempunyai 20 tahun pengalaman dalam perusahaan ini. Beliau telah memulakan satu unit pengeluaran yang kecil di Wrington Vale Nurseries di Somerset dan ini dianggap salah satu daripada kesan perkembangan perusahaan yang berjaya di kalangan perusahaan di Britain. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, *Laporan Tahunan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang 1970*, hlm.5.

<sup>55</sup> Pembinaan kilang industri cendawan di Pulau Pinang dapat membantu negeri tersebut menjimat sebanyak \$1000000 dari segi pertukaran asing kerana tidak perlu mengimport cendawan. Selain itu, penggunaan cendawan di dunia telah meningkat dari 15000000 pada 1960 kepada 100000000 pada 1969. Cendawan juga mempunyai vitamin dan zat besi yang tinggi. Pulau Pinang turut menyediakan tenaga buruh yang murah berbanding US dan England. Industri ini dapat menghasilkan 14000000 paun cendawan setahun untuk pasaran dalam dan luar negeri. Oleh itu, ia dapat membawa keuntungan matawang asing kepada Pulau Pinang. Industri ini juga dapat meningkatkan sumber pendapatan petani kerana penggunaan semua jerami padi di Provinsi Wellesley dalam penanaman cendawan. *Straits Echo*, 14/5/70, SP45/3229, Vol.5, No.52, *Malayan Thung Pao*, 6/6/71, *Sunday Mail*, 6/6/71, SP45/3232, Vol.8, No.52. *Kwong Wah Jih Poh*, 9/1/74.

<sup>56</sup> *Sin Chew Jit Poh*, 20/4/71, SP45/3232, Vol.8, No.52. *Straits Echo*, 4/10/71, SP45/3233, Vol.9, No.52.

Kerajaan Pusat untuk mempelbagaikan kegiatan ekonomi dalam negara. Oleh itu, LCE dan PDC mendapatkan nasihat kepakaran Encik G.C.Griffiths dan Encik Harold Pearce untuk mengkaji dengan lebih lanjut dan mendalam kemungkinan bagi memajukan perusahaan cendawan di Pulau Pinang.<sup>57</sup> Hasil penyelidikan yang dijalankan ini, ia menunjukkan satu ladang yang besar dan perusahaan mengetin boleh dijalankan dari segi teknikal dan perdagangan.<sup>58</sup> Untuk itu, LCE dan PDC telah menubuuhkan Syarikat Malaysia Foods Sendirian Berhad pada bulan Februari 1972 bagi mengusahakan penanaman berbentuk perdagangan dan mengetin cendawan. Sebidang tanah seluas 30 ekar di Kawasan Perusahaan Bagan Serai disediakan bagi pembinaan kilangnya. Kilang pembinaan ini dimulakan pada tahun 1973.<sup>59</sup> Selain perindustrian cendawan, LCE juga memberi tumpuan kepada tanaman pertanian lain seperti bunga-bungaan iaitu orkid, buah-buahan iaitu durian dan rambutan dan halia.<sup>60</sup> Beliau yakin industri pertanian ini dapat menjadi penyumbang eksport yang penting kepada Pulau Pinang.<sup>61</sup>

<sup>57</sup> Sebuah unit percubaan didirikan untuk menjalankan kerja penyelidikan bagi menentukan yang Button Mushroom boleh ditanam atas dasar yang ekonomik dalam negeri ini serta mengkaji kehendak-kehendak pembinaan dan memulakan kajian awal mengenai alat-alat kompos yang menggunakan jerami padi dan lain-lain bahan mentah tempatan yang sedia ada. Sebuah tapak di Sungai Ara disediakan dan kerja-kerja binaan dimulakan pada bulan November 1970. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, *Laporan Tahunan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang 1970*, hlm.5. Pusat Penyelidikan Perusahaan Cendawan siap dibina pada bulan April 1971. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, *Laporan Tahunan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang 1971*, hlm.6.

<sup>58</sup> *China Press*, 7/6/71, SP45/3232, Vol.8, No.52.

<sup>59</sup> Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, *Laporan Tahunan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang 1972*, hlm.16-17. Cendawan keluaran Pulau Pinang mendapat sambutan baik di England dan Eropah. *The Star*, 15/2/73, SP45/3237, Vol.13, No.52.

<sup>60</sup> Kerajaan Negeri memberi bantuan pinjaman tanpa faedah kepada petani berjumlah 300 ribu setiap tahun supaya dapat membeli baja dan merancang membina empangan Prai untuk tujuan mengairi tanaman pertanian di Provinsi Wellesley. *Malayan Thung Pao*, 1/1/71, *Straits Times*, 16/2/71, SP45/3231, Vol.7, No.52. *Sin Chew Jit Poh*, 20/4/71, *Kwong Wah Jih Poh*, 19/5/71, SP45/3232, Vol.8, No.52. Kawasan pertanian didirikan di Cherok Tokun di Bukit Mertajam untuk penanaman durian dan rambutan yang bermutu tinggi supaya harga buah-buahan tempatan lebih murah. *Straits Times*, 1/10/73.

<sup>61</sup> Sebuah pusat penyelidikan penanaman orkid seluas 60 ekar didirikan di Relau. Jenis-jenis orkid yang sesuai ditanamkan di Pulau Pinang ialah Vanda, Dendrobium, Aranda dan Arachnis. *Straits Times*, 28/4/73, *Kwong Wah Jih Poh*, 28/4/73, SP45/3238, Vol.14, No.52. Bunga orkid di Pulau Pinang dapat sambutan baik di Perancis pada tahun 1970. *Sin Chew Jit Poh*, 20/4/71. Sebuah syarikat melalui bantuan PDC telah mengadakan pertemuan dengan pihak Jerman dan Swizerland bagi membincangkan soal mengeksport bunga orkid ke negara-negara tersebut. *China Press*, 15/2/71.

Dalam satu ucapannya mengenai peranan PDC di Pulau Pinang pada 22 Mei 1971, LCE mengatakan PDC juga memberi perhatian kepada bidang perikanan. Ini bertujuan membaiki taraf hidup nelayan dengan memberi bantuan pinjaman kepada mereka untuk membeli perahu dan alat-alat menangkap ikan. Beliau telah menyeru sektor swasta khususnya bank-bank supaya bersama-sama memainkan peranan tersebut.<sup>62</sup> Sememangnya menjadi harapan LCE melihat kerjasama erat PDC dan sektor swasta dalam membangunkan ekonomi Pulau Pinang.<sup>63</sup> Hasilnya, seruan LCE ini telah disambut baik oleh pihak bank. Menurut Pengurus Central Finance Berhad iaitu Tunku Tan Sri Mohammad bin Tunku Besar Burhanuddin :

*Our loan activity in this particular aspect has so far been most encouraging and I would like to take this opportunity to convey to you, Dr.Lim, that we are prepared to extend similar facilities to the fishermen in Penang .<sup>64</sup>*

Di samping itu, pemeliharaan binatang ternakan seperti babi dan ayam juga diberi perhatian dengan pendirian pusat penternakan yang luas,<sup>65</sup> membekalkan baka-baka baik,<sup>66</sup> memperkenalkan cara atau kaedah penternakan yang moden, memberi bahan makanan ternakan yang bermutu serta menggalakkan penternak-penternak menjalankan

<sup>62</sup> *Kwong Wah Jih Poh*, 23/5/73, SP45/3232, Vol.8, No.52. Kerajaan Negeri juga merancang menternak ikan di empangan bagi memastikan bekalan ikan dalam negeri mencukupi. *Straits Times*, 1/10/73. Selain itu, LCE juga menetapkan supaya sebuah pusat latihan bidang perikanan didirikan di Batu Maung. Beliau berharap menjadikan kawasan ini sebagai pusat industri perikanan. *Sin Pin Jit Poh*, 26/5/73.

<sup>63</sup> *Straits Times*, 24/4/71, SP45/3232, Vol.8, No.52.

<sup>64</sup> *Straits Echo*, 23/5/73.

<sup>65</sup> Kerjasama dengan sebuah syarikat dari England dicadangkan bagi mendirikan sebuah pusat penternakan babi untuk menghasilkan babi yang bermutu dan membekalkan makanan babi yang menjimatkan kos serta dapat membantu tumbesaran. *Sin Chew Jit Poh*, 1/10/73. Projek pusat penternakan babi yang pertama di Pulau Pinang didirikan di Batu Maung. Di pusat ini, terdapat 56 keluarga menternak babi dan 70 tempat penternakan serta menempatkan 4792 ekor babi. *Sing Pin Jit Poh*, 20/12/73.

<sup>66</sup> Penternak-penternak ayam diberi anak-anak ayam bermutu serta memperkenalkan kemudahan penternakan yang moden. Sebanyak 4000 ringgit dibelanjakan untuk memperbaiki mutu penternakan. *Nanyang Siang Pao*, 17/6/72.

kegiatan ekonomi ini secara komersil iaitu melalui pembekuan daging dan dalam bentuk pengetian.<sup>67</sup> Kesemua aktiviti ekonomi ini mendapat perhatian LCE bagi menjamin keselesaan hidup penduduk luar bandar.

Penubuhan syarikat usahasama Perbadanan dan sektor swasta juga menjadi tumpuan LCE kepada PDC. Bagi beliau, Perbadanan seharusnya memainkan peranan yang lebih aktif dalam pembangunan ekonomi negeri dan tidak semata-mata hanya menyediakan kemudahan infrastruktur dan perkhidmatan yang perlu. Melalui projek PDC, beliau mempunyai dasar bahawa peranannya adalah juga menglibatkan diri dalam penyertaan bidang perusahaan, melalui pembelian saham-saham serta seharusnya berkembang dengan perkembangan ekonomi. Hasil usaha LCE, Perbadanan telah melaburkan modal dalam pelbagai bidang termasuk elektronik, perusahaan yang berasaskan pertanian, pembinaan kapal dan juga perusahaan pembinaan.<sup>68</sup> Sehingga tahun 1974, jumlah bilangan syarikat usahasama Perbadanan dan sektor swasta telah meningkat menjadi sepuluh.<sup>69</sup>

Dalam mengendalikan PDC, LCE turut menggalakkan penyertaan lebih aktif kaum Melayu dalam rancangan pembangunan negeri kerana beliau merupakan

<sup>67</sup> Sebanyak 400 hingga 500 ekor babi dibawa masuk ke negeri Perak dan Selangor dari Pulau Pinang setiap hari pada awal tahun 1970an. *Kwong Wah Jih Poh*, 8/9/72. Pada tahun 1971, LCE menyeru Kementerian Pertanian supaya memberi perhatian kepada industri penternakan di Pulau Pinang akibat kejatuhan harga telur dan binatang ternakan pada bulan Jun tahun berkenaan. Keadaan ini membawa kesusahan kepada 30000 penternak kerana mengalami kerugian sebanyak \$ 40000. *Nanyang Siang Pao*, 17/7/71, SP45/3232, Vol.8, No.52. Selain itu, LCE juga membantu penternak Pulau Pinang mencari pasaran baru di luar negara kerana masalah bekalan ayam yang berlebihan, antaranya ialah negara-negara Arab. *Nanyang Siang Pao*, 27/7/71, *Sing Pin Jit Poh*, 27/7/71, SP45/3233, Vol.9, No.52. Beliau juga menggalakkan penternak supaya mengeksport daging babi dan ayam ke Singapura dan Hong Kong. *Sin Chew Jit Poh*, 20/4/71,

<sup>68</sup> Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, *Laporan Tahunan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang 1973*, hlm.21.

<sup>69</sup> Syarikat-syarikat ini ialah IHC ( M ) Sdn.Bhd, Malaysia Foods Bhd, Nusantara Pulau Pinang Bhd, Penang Commercial & Industrial Development Bhd, Atlas Electronics ( M ) Sdn.Bhd, Penang Construction Sdn.Bhd, Hitachi Semiconductor ( M ) Sdn.Bhd, Kanebo Malaysia Spinning Mills Sdn.Bhd, Sika ( M ) Sdn.Bhd, Schott Glass ( M ) Sdn.Bhd. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, *Laporan Tahunan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang 1974*, hlm.16-19.

pendukung Dasar Ekonomi Baru yang kuat.<sup>70</sup> Beliau sering menyeru orang Melayu dan bukan Melayu supaya menjalankan perniagaan secara bersama.<sup>71</sup> Malahan LCE turut menggesa peniaga-peniaga Cina supaya menggajikan orang Melayu dan berkongsikan dengan mereka pengalaman dan petua kejayaan dalam perniagaan.<sup>72</sup> Beliau percaya langkah ini penting bagi mencipta sebuah masyarakat yang bersatu dan aman.<sup>73</sup> Mengikut LCE :

GERAKAN adalah terikat kepada usaha melahirkan satu masyarakat yang adil dan saksama...matlamat 30% penyertaan Bumiputera menjelang 1990 tidak akan bertentangan dengan tujuan menubuhkan sebuah masyarakat yang adil dan saksama...konsep penyertaan ekonomi Bumiputera adalah cara wajar bagi menghapuskan kemiskinan tanpa mengira kaum.<sup>74</sup>

Pada tahun 1972, LCE telah menubuhkan sebuah syarikat usahasama PDC dengan sektor swasta Bumiputera iaitu Nusantara Pulau Pinang Berhad.<sup>75</sup> Penubuhan syarikat ini bertujuan menambahkan lagi peranan bumiputera dalam bidang perniagaan

<sup>70</sup> *Malayan Thung Pao*, 7/3/74. Kerajaan Negeri pimpinan LCE beri jaminan akan membantu peniaga Melayu. Beliau menulis dan memberi kata dua tersebut kepada *Malay Petty Hawkers and Traders Association*. Seruan tersebut disokong kuat oleh Timbalan Ketua Menteri, Ooi Chooi Cheng dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Mohd. Yeop Abdul Raof. *The Star*, 10/5/73, SP45/3238, Vol.8, No.52.

<sup>71</sup> *Malayan Thung Pao*, 29/8/69, SP45/3226, Vol.2, No.52.

<sup>72</sup> *China Press*, 4/3/73, SP45/3237, Vol.13, No.52.

<sup>73</sup> *Kwong Wah Jih Poh*, 29/8/69.

<sup>74</sup> "Dasar dan Matlamat Perjuangan Gerakan," dalam *Dewan Masyarakat*, 15 November 1975, hlm.11. "Ucapan Dr.Lim Chong Eu dalam Perhimpunan Agung Luar Biasa Gerakan di Ipoh pada 25 September 1975," dalam Lim Choon Choo, *Koleksi Teks Ucapan Dr.Lim Chong Eu*, hlm.33-46.

<sup>75</sup> Syarikat ini ditubuhkan pada bulan Ogos 1972 hasil daripada satu siri perbincangan dengan PERNAS dan peniaga-peniaga Melayu. Modal yang dibenarkan ialah \$ 1 juta dan modal yang dibayar ialah \$ 200000. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, *Laporan Tahunan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang 1972*, hlm.17. Pada tahun 1973, syarikat ini ditawarkan oleh PDC untuk menjalankan kerja-kerja menambun tanah di kawasan Perusahaan Bayan Lepas dan Bagan Serai. Ia juga bersatu dengan Penang Commercial Industrial Development Berhad iaitu syarikat yang ditubuhkan oleh Dewan Peniagaan Cina Pulau Pinang untuk menubuh sebuah syarikat uasahasama dipanggil Penang Construction Sendirian Berhad ( PENCON ). Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, *Laporan Tahunan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang 1973*, hlm.22.

borong dan runcit serta lain-lain kegiatan ekonomi di negeri ini.<sup>76</sup> Langkah beliau ini telah disambut baik oleh kaum Melayu.<sup>77</sup> Dengan syarikat kerjasama ini, beliau berusaha melaksanakan pengagihan ekonomi yang samarata dalam masyarakat tanpa mengirakan kaum.

Secara keseluruhannya, PDC di bawah pimpinan LCE berfungsi sebagai agensi pembangunan negeri yang utama untuk menyelaraskan perkembangan ekonomi negeri ini. Untuk mencapai matlamat ini, PDC melibatkan diri secara aktif dalam perancangan dan pembangunan perindustrian, penggalakkan pelancongan dan pelaburan, pembangunan bandar baru. Malah LCE sendiri berpendapat tindakan beliau menubuh PDC adalah satu langkah yang tepat sekali dalam membangunkan ekonomi negeri Pulau Pinang. Menurutnya, “*We did the right things*”.<sup>78</sup>

---

<sup>76</sup> *Straits Times*, 12/12/72, SP45/3237, Vol.13, No.52.

<sup>77</sup> Persatuan Melayu Pulau Pinang memberi sokongan kepada projek pembangunan Pulau Pinang. Rombongan ini yang diketuai oleh Presidennya iaitu Mohammad Noor telah menemui LCE bagi menyatakan sokongan tersebut. *Sing Pin Jit Poh*, 5/7/72, SP45/3234, Vol.10, No.52.

<sup>78</sup> *Straits Times*, 7/12/72, SP45/3237, Vol.13, No.52. Menteri Besar Kedah, Datuk Syed Ahmad Shahabuddin memutus untuk mengambil bahagian dalam projek cendawan dan pengembangan industri pelancongan yang dianjurkan oleh PDC. *Kwong Wah Jit Poh*, 12/2/73, SP45/3237, Vol.13, No.52. Ketua Menteri Melaka, Dato Haji Talib bin Karim membuat lawatan ke Pulau Pinang untuk melihat sendiri projek

## Industri Pelancongan

Semasa LCE merangka bentuk rancangan pembangunan ekonomi untuk Pulau Pinang, skop pembangunan ekonomi ini merangkumi sektor pelancongan.<sup>79</sup> Beliau memberikan tumpuan untuk memajukan industri pelancongan ini kerana menyedari potensi perkembangan industri tersebut.<sup>80</sup> Langkah ini juga dilihat oleh LCE sebagai satu usaha mengatasi masalah pengangguran di Pulau Pinang dengan mencipta lebih banyak peluang pekerjaan yang berkaitan dengan sektor itu terutamnya bidang perhotelan.<sup>81</sup>

Mengikut LCE :

... adalah dianggarkan iaitu bagi tiap-tiap bilik hotel dapat memberikan lebih pekerjaan dan peluang-peluang pekerjaan di bidang pelancongan akan bertambah selaras dengan pertumbuhan hotel.<sup>82</sup>

Kesedaran ini bukan dimiliki oleh LCE seorang sahaja. Kecantikan dan keindahan Pulau Pinang juga menjadi sebutan negara-negara luar. Misalnya, sebuah agensi pelancongan dari Jerman Barat, Neckermann pernah menggambarkan pulau ini sebagai :

---

pembangunan yang dijalankan oleh PDC seperti industri elektronik dan cendawan. *Kwong Wah Jit Poh*, 19/6/71, SP45/3232, Vol.8, No.52.

<sup>79</sup> Skop pembangunan ekonomi lain termasuk sektor perindustrian, pertanian, elektronik, perumahan dan lain-lain. *Sin Chew Jit Poh*, 11/9/70.

<sup>80</sup> “ Ucapan Dr.Lim Chong Eu di Pulau Pinang pada 16 Julai 1971,” dalam Lim Choon Choo, *Koleksi Teks Ucapan Dr.Lim Chong Eu*, hlm.13. Tempat-tempat Pulau Pinang yang menjadi tumpuan para pelancong sama ada dalam dan luar negeri ialah Tokong Ular di Bayan Lepas, Tokong Kek Lok Sie, Padang Kota Baru, Muzium, Batu Maung, Taman Belia, Rimba Rekreasi dan Akuarium. Masakan dan makanan di negeri ini juga menarik perhatian para pelancong ke sini. Nasi kandar, teh tarik dan roti canai amat digemari oleh mereka. “ Kini Wajah Pulau Pinang Telah Banyak Berubah,” dalam *Puspaniaga*, hlm.17.

<sup>81</sup> Beliau memulakan aktiviti pemeliharaan kupu-kupu di Botanic Garden untuk mencipta peluang pekerjaan kerana kerja-kerja pembiakan dan pengumpulan kupu-kupu merupakan tugas yang berat. Langkah seumpama ini merupakan kali pertama dijalankan di Malaysia. Selain itu, ia juga merupakan satu usaha menarik pelancong luar melawat Pulau Pinang. *Straits Times*, 17/12/69, SP45/3227, Vol.3, No.52.

Senarai nama hotel-hotel di Pulau Pinang terdapat di Lampiran 5.

<sup>82</sup> “ Chong Eu Memberi ‘ muatira ’Pembangunan,” dalam *Puspaniaga*, hlm.8.

Anda tidak dapat mencari keindahan dan kecantikan yang terdapat di Pulau Pinang, di mana-mana tempat lain di dunia ini.<sup>83</sup>

Kenyataan ini ditambah oleh Mr.Hans Koschnick, Ketua Menteri Breman :

*Penang had a great chance for the expansion of the tourist industry.*<sup>84</sup>

Sungguhpun Pulau Pinang banyak terima pujian, namun, LCE mempunyai perancangan yang baik dalam soal ini. Sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang dan Pengerusi PDC, LCE cuba mengambil langkah-langkah bagi memajukan sektor pelancongan di Pulau Pinang dengan cara lebih tegas iaitu melalui kerjasama Kerajaan Pusat dan agensi pelancongan dari negara-negara luar untuk tujuan tersebut.

Semasa LCE merancangkan kaedah-kaedah memajukan industri pelancongan di Pulau Pinang. Beliau sendiri telah membuat kunjungan ke beberapa buah negara seperti Hong Kong,<sup>85</sup> Indonesia,<sup>86</sup> Australia<sup>87</sup> serta beberapa buah negara Eropah<sup>88</sup> bagi tujuan mempromosikan Pulau Pinang sebagai sebuah pusat pelancongan dan melihat sendiri perkembangan industri pelancongan di negara-negara itu. Beliau sedar pengalaman dan penelitian ini akan banyak membantunya dalam membangunkan sektor pelancongan di Pulau Pinang.

<sup>83</sup> *Kin Kwok Daily News*, 26/8/70, SP45/3229, Vol.5, No.52.

<sup>84</sup> *Straits Echo*, 26/1/71, SP45/3231, Vol.7, No.52. Pujian yang sama juga diberikan oleh wakil dari sebuah Syarikat Televisyen dan Perfileman dari London bernama Califor yang menegaskan tidak ada sebuah tempat yang secantik Pulau Pinang di Asia Tenggara. Padangan yang sama juga diberikan oleh wakil dari Korea Utara. *Sin Chew Jit Poh*, 1/10/71. *The Star*, 14/4/74, SP45/3241, Vol.17, No.52.

<sup>85</sup> *Sin Chew Jit Poh*, 4/12/69, SP45/3227, Vol.3, No.52.

<sup>86</sup> *Nanyang Siang Pao*, 23/3/72, SP45/3234, Vol.10, No.52.

<sup>87</sup> *Sing Pin Jit Poh*, 27/3/74, SP45/3241, Vol.17, No.52.

<sup>88</sup> *Nanyang Siang Pao*, 13/6/70, SP45/3229, Vol.5, No.52. Untuk keterangan lebih lanjut, sila lihat bab 3.

Sebagai langkah memajukan industri pelancongan di Pulau Pinang, LCE telah berusaha mendapatkan bantuan daripada Kerajaan Pusat untuk tujuan itu. Beliau meminta Kerajaan Pusat membenarkan lebih banyak kapal terbang antarabangsa membuat daratan di Lapangan Terbang Tentera Udara di Butterworth<sup>89</sup> dan sering membuat desakan meminta dipercepatkan kerja-kerja pembesaran Lapangan Terbang Bayan Lepas supaya dapat memuatkan saiz kapal terbang yang lebih besar dan beliau meramalkan industri pelancongan di Pulau Pinang akan terus berkembang akibat peningkatan dalam bilangan pelancong yang berkunjung ke negeri ini.<sup>90</sup> Mengikut LCE :

*In addition to those chartered tours from Germany, there were many more tour operators from Europe and Japan who were also contemplating making Penang a destination point for their chartered tours... it was envisaged that after the next two years, the uptake in the tourist industry would be very great and that would fortunately coincide with the completion of the extension of the present runway... with the completion of that extension, Boeing 707s and DC-8s would be able to land, and should it be necessary, the runway could be further extended to provided for bigger and heavier aircraft.*<sup>91</sup>

Bagi LCE, projek pembesaran Lapangan Terbang Bayan Lepas adalah satu projek yang tidak boleh ditangguh-tangguhkan kerana Pulau Pinang sedang mengalami kepesatan dalam pembangunan perindustrian pelancongan.<sup>92</sup> Beliau menjangkakan

<sup>89</sup> Antaranya, LCE meminta Kerajaan Pusat membenarkan tentera udara Amerika Syarikat yang berperang di Vietnam mendarat di Pulau Pinang. Beliau percaya langkah ini dapat membawa keuntungan dari segi pertukaran wang asing dan merangsangkan perniagaan tempatan. Selain itu, Pulau Pinang juga menghadapi saingan kuat daripada Bali dari segi memajukan industri ini kerana kawasan ini mempunyai banyak penerbangan antarabangsa. *Malay Mail*, 17/6/69, *Malayan Thung Pao*, 18/6/69, *Kwong Wah Jih Poh*, 28/6/69, SP45/3226, Vol.2, No.52.

<sup>90</sup> *Sin Chew Jit Poh*, 13/9/69, SP45/3226, Vol.2, No.52.

<sup>91</sup> *Stratis Echo*, 15/2/71, SP45/3231, Vol.7, No.52.

<sup>92</sup> Dr.Lim telah menghantar Pegawai Perancangan Negeri iaitu Cheah Phee Hin ke Kuala Lumpur untuk membincangkan perkara tersebut. Ini susulan pengumuman Syarikat Penerbangan Thailand untuk

terdapat sekurang-kurangnya 100 rombongan pelancongan dari Eropah akan datang ke Pulau Pinang pada akhir tahun 1970 kerana negeri ini semakin terkenal di benua Eropah.<sup>93</sup> Cadangan LCE memperbesarkan Lapangan Terbang Bayan Lepas diterima baik oleh Kerajaan Persekutuan.<sup>94</sup>

Dalam pada itu, LCE juga menerima banyak cadangan daripada pelbagai pihak dari dalam dan luar negeri mengenai langkah-langkah yang harus diambil bagi memajukan sektor pelancongan di Pulau Pinang.<sup>95</sup> Rombongan dari England mencadangkan supaya kaedah kereta kabel terus digunakan bagi membawa pelancong-pelancong ke Bukit Bendera kerana cara ini lebih diminati oleh pelancong. Manakala, rombongan dari Jerman mencadangkan kepada LCE supaya mengedarkan majalah dan risalah yang memperkenalkan keindahan Malaysia kepada agensi pelancongan di Eropah.<sup>96</sup> Pengurus Syarikat Penerbangan Belanda pula mencadangkan kepada LCE supaya mencetak lebih banyak *brochure* dan gambar mengenai kecantikan Pulau Pinang untuk tujuan promosi.<sup>97</sup> Pihak perhotelan Pulau Pinang pula sering menemui LCE

---

menghentikan perkhidmatan penerbangan dari Bangkok ke Pulau Pinang kerana kapal terbang barunya iaitu DL-8 tidak dapat mendarat di Lapangan Terbang Bayan Lepas kerana saiznya terlalu besar. Pegawai Pelancongan Pulau Pinang, pengusaha hotel dan agensi pelancongan mendakwa tindakan ini akan menjelaskan industri pelancongan di negeri itu. Mereka mendakwa ia turut menjelaskan usaha mempromosikan Pulau Pinang di Eropah. *Straits Times*, 14/3/72, SP45/3234, Vol.10, No.52.

<sup>93</sup> *Sin Chew Jit Poh*, 21/7/70, *Sin Min Ryh Baw*, 25/7/70, SP45/3229, Vol.5, No.52.

<sup>94</sup> Cadangan LCE adalah apabila projek pembesaran lapangan terbang ini siap, keluasan landasan penerbangan adalah 11400 kaki untuk membolehkan pendaratan kapal terbang 707 dan Jet Jumbo. *Straits Echo*, 22/5/72. Bekas Menteri Pengangkutan, V. Manickavasagam mengumunkan lapangan terbang di Pulau Pinang, Subang dan Kota Kinabalu akan dibesarkan untuk memasuki era "Jumbo Jet". *Straits Times*, 29/11/69. Menteri Pengangkutan, Dato Abdul Ghani Gilong mengumunkan Kerajaan Pusat akan membina sebuah kompleks lapangan terbang baru yang berharga 40 juta pada tahun 1971. *Straits Times*, 25/11/70. Tengku Abdul Rahman mengumunkan Kerajaan Persekutuan akan memperuntukkan sebanyak 18.8 juta untuk pembesaran lapangan terbang di Pulau Pinang. *Straits Echo*, 2/5/70, SP45/3229, Vol.5, No.52. Pada tahun 1973, Kerajaan Pusat setuju memperbesarkan Lapangan Terbang Bayan Lepas. *Nanyang Siang Pao*, 29/4/73. Menteri Pengangkutan, Tan Sri Sardon berkata projek ini yang menelan kos 52 juta sedang dijalankan dan akan siap dalam masa tiga tahun. Projek ini akan membawa kebaikan kepada negeri-negeri jiran Pulau Pinang seperti Perlis, Perak dan Kedah. *Sin Chew Jit Poh*, 8/12/73.

<sup>95</sup> *Straits Times*, 25/9/70, SP45/3229, Vol.5, No.52.

<sup>96</sup> *Kwong Wah Jih Poh*, 14/3/70, SP45/3228, Vol.4, No.52.

<sup>97</sup> *Kin Kwok Daily News*, 1/10/70, SP45/3230, Vol.6, No.52.

**meminta** beliau meningkatkan usaha memajukan industri pelancongan negeri itu.<sup>98</sup> Ini **semua** memberi idea dan keyakinan kepada LCE untuk terus memajukan sektor **pelancongan** di Pulau Pinang dengan cara yang lebih tegas.<sup>99</sup>

Pada tahun 1972, Kerajaan Negeri Pulau Pinang pimpinan LCE telah **menganjurkan** Persidangan PATA ( Pacific Area Travel Association ).<sup>100</sup> Beliau **merupakan** orang yang paling rajin dan sibuk semasa persiapan dibuat bagi menghadapi **persidangan** tersebut. Untuk itu, LCE telah memulakan pembinaan Dewan Sri Pinang **pada** tahun 1971 bagi dijadikan tempat persidangan ini diadakan.<sup>101</sup> Berdasarkan **pengalaman** dan penelitiannya, beliau melihat tindakan ini tidak membazirkan kerana **yakin** pengajuran ini dapat memperkenalkan Pulau Pinang di mata dunia dengan **kehadiran** ramai wakil agensi pelancongan dari pelbagai negara di persidangan itu.<sup>102</sup>

**Mengikut** LCE :

*The future for tourism is therefore bright and the hosting of the PATA Workshop in Penang in January 1972 will further strengthen the position of Penang as an international tourist resort.*<sup>103</sup>

<sup>98</sup> **Empat** orang wakil dari pengusaha perhotelan menemui LCE meminta supaya membenarkan tarian bogel oleh penari dari luar negeri. Mereka mengadu lambat mendapatkan permit untuk tarian pentas di kelab malam. Mengikut Pengurus Persatuan Pelancongan Pulau Pinang, T.C.Chua, pertunjukkan tarian bogel ini akan menambah seri hotel dan dapat menarik lebih ramai pelancong. *Sunday Times*, 19/10/69, SP45/3227, Vol.3, No.52.

<sup>99</sup> Dr.Lim memperuntukkan \$100000 bagi memajukan pelancongan di Pulau Pinang pada tahun 1970. Wang ini digunakan untuk mencetak risalah memperkenalkan Pulau Pinang dan mengambil cantik Pulau Pinang untuk tujuan promosi. *Straits Echo*, 2/9/70. Selain itu, Dr.Lim juga menubuhskan sebuah Jawatankuasa bagi mengkaji kemudahan kereta kabel di Bukit Bendera. *Straits Echo*, 7/10/70.

<sup>100</sup> Persidangan ini diadakan pada 27-28/1/72. *Straits Echo*, 27/1/72, SP45/3234, Vol.10, No.52. Hak pengajuran ini diperolehi semasa rombongan Malaysia menghadiri Persidangan PATA di Thailand pada tahun 1969. *Sin Chew Jit Poh*, 28/1/72, SP45/3234, Vol.10, No.52.

<sup>101</sup> Kos pembinaan dewan ini pada awalnya dijangka bernilai 3.4 juta, tetapi kemudiannya kos sebenar ialah 3,304,314 ringgit. *Straits Times*, 8/6/72.

<sup>102</sup> Beliau menjangkakan lebih ramai pelancong akan datang ke Pulau Pinang selepas persidangan PATA berakhir kerana lazimnya negara yang menganjurkan persidangan ini akan menyebabkan ramai pelancong melawatnya selepas itu. Contohnya, Bangkok dan Chiengmai menjadi pusat pelancongan terkenal selepas Thailand menganjurkan PATA tahun 1969. *Malayan Thung Pao*, 28/1/72.

<sup>103</sup> *Straits Echo*, 15/2/71.

Beliau menyeru sektor swasta dan masyarakat Pulau Pinang memberikan kerjasama sepenuhnya kepada Kerajaan Negeri bagi menjayakan penganjuran PATA. Beliau meminta para peniaga mendirikan lebih banyak restoran yang menyediakan makanan kegemaran pelancong serta menjual lebih banyak barang dan cenderamata kesukaan pelancong.<sup>104</sup> Beliau juga menyeru masyarakat tidak membuang sampah-sarap di merata-rata tempat bagi menjaga keindahan dan kebersihan di bandar.<sup>105</sup> Untuk mencantikkan lagi bandar Pulau Pinang, LCE telah mengarahkan penanaman bunga di sekitar bandar dijalankan bagi menyerikan keindahan bandar itu.<sup>106</sup> Ini semua dilakukan oleh LCE adalah dengan harapan wakil-wakil negara luar yang menghadiri Persidangan PATA di Pulau Pinang dapat melihat dan menikmati keindahan dan kecantikan negeri itu. Beliau melihat usaha ini penting bagi memajukan industri pelancongan di Pulau Pinang.

Persidangan PATA diadakan pada 27 hingga 28 Januari 1972 dan dihadiri oleh 700 wakil dari 30 negara.<sup>107</sup> Pada 29 Januari 1972, LCE telah membawa tetamu-tetamu persidangan meronda di sekitar Pulau Pinang bagi tujuan memperkenalkan negeri itu. Setiap wakil juga dibekalkan dengan risalah Pulau Pinang.<sup>108</sup> Kesungguhan LCE menjayakan Persidangan PATA 1972 mendapat pujian wakil-wakil persidangan kerana mereka kagum dengan persiapan yang dibuat oleh LCE dan sikap penduduk negeri yang turut serta menjayakan penganjuran tersebut kerana memberi layanan yang begitu mesra

<sup>104</sup> *Sin Chew Jit Poh*, 1/10/71.

<sup>105</sup> *Sing Pin Jit Poh*, 25/11/69.

<sup>106</sup> *Kwong Wah Jih Poh*, 14/3/70, SP45/3228, Vol.4, No.52.

<sup>107</sup> *Malayan Thung Pao*, 28/1/72.

<sup>108</sup> *Straits Echo*, 27/1/72, SP45/3234, Vol.10, No.52.

kepada mereka. Menurut LCE, “ *PATA delegates are impressed by our efforts* ”.<sup>109</sup> Oleh itu, langkah LCE menganjurkan PATA ini telah membantu memajukan sektor pelancongan di Pulau Pinang.

Untuk memusatkan usaha mempromosikan Pulau Pinang di pentas dunia, LCE telah memindahkan tugas-tugas penggalakkan dan kemajuan pelancongan oleh Kerajaan Negeri kepada PDC secara rasmi pada 1 Jun 1972.<sup>110</sup> Sungguhpun begitu, LCE terus memainkan peranan yang penting dalam membangunkan industri pelancongan di Pulau Pinang sebagai Ketua Menteri dan Pengerusi PDC. Beliau mengutamakan kegiatan mempromosikan Pulau Pinang kepada pelancong luar dengan menerbitkan lebih banyak bahan-bahan baru seperti Taxi Service Leaflet, Penang Promotion Kit, “ *This Place Called Penang* ”, Buku Cenderamata, Penang Travel Newsletter.<sup>111</sup> Beliau juga memastikan semua bahan penggalakkan diedarkan ke luar negeri dengan bantuan pertubuhan-pertubuhan seperti Perbadanan Kemajuan Pelancongan, Sistem Penerbangan Malaysia, Thai International dan Qatas. Pasaran pelancongan yang menjadi tumpuan LCE ialah Amerika Syarikat, Eropah, Australia, New Zealand dan Jepun.<sup>112</sup> Ahli-ahli perusahaan pelancongan tempatan dan hotel-hotel juga dibekalkan dengan terbitan-terbitan tersebut untuk dibahagi-bahagikan kepada wakil-wakil mereka di seberang laut sebagai sebahagian usaha penggalakkan mereka.<sup>113</sup>

---

<sup>109</sup> Sing Pin Jit Poh, 13/2/72. *Straits Echo*, 14/2/72, SP45/3234, Vol.10, No.52.

<sup>110</sup> Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, *Laporan Tahunan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang 1972*, hlm.17.

<sup>111</sup> Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, *Laporan Tahunan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang 1973*, hlm.26.

<sup>112</sup> Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, *Laporan Tahunan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang 1972*, hlm.18.

<sup>113</sup> Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, *Laporan Tahunan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang 1974*, hlm.21.

Untuk memperluaskan dan menggalakkan lagi pelancongan. Beliau telah meningkatkan kempen publisiti negeri Pulau Pinang dengan mengirimkan berita-berita pelancongan dan rencana kepada akhbar-akhbar luar negeri. Kegiatan publisiti ini dipergiatkan dalam tahun 1973.<sup>114</sup> Rencana-rencana yang meliputi aspek pelancongan Pulau Pinang disiarkan dalam terbitan-terbitan di negara Jerman, United Kingdom, Australia, Jepun dan Amerika Syarikat.<sup>115</sup> Bagi LCE, program seumpama ini lebih berkesan dalam mempromosikan Pulau Pinang kepada pelancong-pelancong luar.

Selain itu, LCE juga memberikan layanan untuk lawatan dan apa-apa juga bantuan kepada penaja-penaja pelancong, penulis-penulis pelancong dan pakar-pakar perunding pelancong bagi menolong mereka menulis rencana-rencana mengenai Pulau Pinang.<sup>116</sup> Bantuan ini diutamakan oleh LCE kerana beliau ingin memastikan penulis-penulis ini tidak berdepan dengan sebarang masalah semasa mengarang. Pada tahun 1974, sejumlah 37 orang wartawan, penulis, pengarang pelancong diberi sambutan dan pertolongan sepenuhnya, sementara dua pasukan televisyen dari Belgium dan Jepun serta dua rombongan filem dari Belgium diberi bantuan sepenuhnya dalam persiapan-persiapan asas bagi lingkungan filem yang diperlukan.<sup>117</sup>

Sebagai usaha menjaga imej Pulau Pinang sebagai sebuah pusat pelancongan yang menarik, LCE memulakan rancangan untuk pemandu-pemandu teksi yang tidak bertanggungjawab kerana terdapat banyak sungutan yang diterima daripada pelancong-pelancong mengenai “ over-charging ” dan “ short-changing ” oleh pemandu teksi di

<sup>114</sup> Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, *Laporan Tahunan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang 1973*, hlm.26.

<sup>115</sup> Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, *Laporan Tahunan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang 1974*, hlm.24.

<sup>116</sup> Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, *Laporan Tahunan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang 1972*, hlm.19.

Pulau Pinang. Di bawah rancangan ini, pelancong terlibat boleh mengemukakan sungutan mereka dengan menggunakan borang yang dikeluarkan oleh PDC untuk tujuan ini. Borang tersebut akan ditunjukkan kepada Pendaftar dan Pemeriksa Kenderaan untuk diambil tindakan. Bagi LCE, langkah ini bertujuan meningkatkan keselesaan pelancong-pelancong luar negeri dan tidak tertipu semasa berkunjung ke Pulau Pinang.

Tumpuan utama LCE dalam mengembangkan industri pelancongan adalah termasuk melahirkan pemandu pelancong yang berkelayakan dan cekap di Pulau Pinang. Dengan itu, beliau melalui Persatuan Pelancongan Pulau Pinang telah mengendalikan kursus Pemandu Pelancong. Ini bertujuan melatih kumpulan pemandu yang terlatih. Dalam bulan September 1973, beliau mendapatkan kerjasama dari Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Sains Malaysia bagi menganjurkan kelas-kelas bahasa asing untuk pemandu pelancong di Pulau Pinang. Kelas-kelas bahasa yang dianjurkan termasuklah bahasa Jepun, Perancis dan Jerman.<sup>118</sup> Ini kerana LCE menjangkakan sebilangan besar pelancong dari Jepun, Eropah dan Amerika Syarikat akan berkunjung ke Pulau Pinang pada tahun itu.<sup>119</sup>

Sejak LCE memegang jawatan Ketua Menteri Pulau Pinang pada tahun 1969, jumlah bilangan pelawat ke negeri ini meningkat setiap tahun dari tahun 1969 hingga 1974 (Sila lihat jadual 5.2). Bilangan pelancong ke negeri ini tahun 1970 ialah seramai 39454, iaitu berlaku pertambahan seramai 7,073 orang atau 21.8 peratus berbanding 32,381 orang pada tahun 1969. Bilangan ini sekali lagi meningkat kepada 49,278 orang pada tahun 1971 iaitu pertambahan sebanyak 9,824 orang atau 24.9 peratus. Bilangan

---

<sup>117</sup> Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, *Laporan Tahunan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang 1974*, hlm.24.

<sup>118</sup> Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, *Laporan Tahunan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang 1973*, hlm.28-29.

pelancong ke Pulau Pinang tahun 1972 pula mencatat 62,801 orang iaitu kenaikan sebanyak 13,523 orang atau 27.4 peratus berbanding tahun 1971. Pada tahun 1973, industri pelancongan ini mengalami keadaan melambung apabila bilangan pelawat-pelawat asing yang datang ke Pulau Pinang, yang menggunakan negeri ini sebagai pintu masuk adalah 92,367 orang iaitu bertambah sebanyak 47.1 peratus atau 29,566 orang berbanding tahun 1972. Faktor-faktor yang menyebabkan keadaan ini berlaku ialah pertama, usaha gigih LCE mempromosikan Pulau Pinang di mata dunia melalui PDC. Kedua, Pulau Pinang di bawah pimpinan LCE banyak mendapat puji dan negara luar kerana kecantikan pulau ini. Selain itu, beliau kerap mengadakan hubungan diplomatik yang erat dengan negara-negara luar. Ketiga, kejayaan LCE menganjurkan Persidangan PATA tahun 1972 telah meningkatkan imej dan status Pulau Pinang di peringkat dunia.

Keempat, LCE mendapatkan kerjasama daripada rakyat negeri ini dan pihak berkaitan pelancongan dalam dan luar negeri dalam segala program yang dilaksanakan untuk memajukan industri pelancongan di Pulau Pinang. Keadaan ini menyebabkan kadar penggunaan hotel mencatat penggunaan yang paling tinggi pada tahun 1973 iaitu 66.7 peratus antara tahun 1970 hingga 1974 ( Jadual 5.3 ). Pada tahun 1974, bilangan pelancong asing ke negeri ini ialah 100,773 orang iaitu pertambahan seramai 8,406 orang atau 9.1 peratus. Sungguhpun tambahan 9.1 peratus ini adalah kecil berbanding tahun-tahun sebelumnya tetapi kejayaan yang dicapai adalah menggalakkan memandangkan kepada keadaan terganggu dan tidak tetap dalam perusahaan pelancongan pada tahun 1974. Sebenarnya bagi tiga suku tahun pertama 1974, bilangan pelawat-pelawat terus meningkat dengan berkesannya dan merupakan pertambahan sebanyak 18.4 peratus berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 1973. Hanya dalam suku tahun

---

<sup>119</sup> *Kwong Wah Jih Poh*, 11/3/73, SP45/3231, Vol.7, No.52

terakhir sahaja kedudukan ini berubah apabila perusahaan ini mengalami kesan-kesan lewat yang bersabit dari kedudukan minyak antarabangsa.<sup>120</sup> Di antara pelancong-pelancong yang datang ke Pulau Pinang ialah penduduk dari negara-negara Asean yang mencatat bilangan paling tinggi, diikuti pelancong-pelancong dari England, Australia, New Zealand, Ireland dan Canada ( Jadual 5.4 ). Maka bolehlah dikatakan sektor pelancongan di Pulau Pinang mengalami perkembangan yang pesat di bawah pimpinan LCE.

**Jadual 5.1: Sistem Pengangkutan Yang Digunakan Oleh Pelawat Asing Untuk Masuk Ke Pulau Pinang**

Tahun / Sistem Pengangkutan	Udara	Air	Jumlah
1969	23,345	9,036	32,381
1970	29,131	10,323	49,278
1971	36,877	12,401	49,278
1972	44,709	18,092	62,801
1973	75,284	17,093	92,367
1974 (Jan.-Sept.)	66,236	10,279	76,515

Sumber : Penang Development Corporation, *Statistical Handbook*, Penang Development Corporation, Penang, 1977, hlm.2.

<sup>120</sup> Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, *Laporan Tahunan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang 1974*, hlm.21.

**Jadual 5.2: Bilangan Pelawat Ke Pulau Pinang 1969-1974**

Tahun	Bilangan Pelawat	Perubahan Sebenar	Perubahan Peratus
1969	32,381		
1970	39,454	+ 7,073	+ 21.8
1971	49,278	+9,824	+ 24.9
1972	62,801	+13,523	+ 27.4
1973	92,367	+29,566	+ 47.1
1974	100,773	+8,406	+ 9.1

Sumber : Disesuaikan daripada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, *Laporan Tahunan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang 1973 dan 1974*.

**Jadual 5.3 : Purata Tahunan Kadar Penggunaan Hotel**

Tahun	Kadar Penggunaan
1970	41.2
1971	55.5
1972	63.0
1973	66.7
1974	57.9

Sumber : Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, *Laporan Tahunan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang 1974*, hlm.23.

**Jadual 5.4 : Kedatangan Pelawat Asing ke Pulau Pinang**

Pelawat Asing / Tahun	1972	1973	1974 (Jan-Sept.)
Asian	23,595	30,329	24,572
Eropah	6,519	10,303	9,790
India	6,125	6,488	3,747
Japan	2,606	4,119	4,117
U.K., Australia, New Zealand, Ireland dan Kanada	8,938	20,641	18,935
U.S.A.	8,640	9,921	7,021
Lain-lain	6,378	10,566	8,693

Sumber : Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, *Laporan Tahunan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang 1974*, hlm.23.

Dengan itu, bolehlah dikatakan kedudukan LCE sebagai Ketua Menteri telah dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya. Beliau nyata sekali telah berusaha membangunkan semula ekonomi Pulau Pinang yang teruk dengan menubuhkan PDC bagi mengkaji secara mendalam punca masalah tersebut dan mencari strategi yang paling berkesan bagi mengatasinya. Untuk itu, LCE juga menggiatkan usaha mempromosikan negeri itu sebagai sebuah pusat pelancongan yang terkenal memandangkan ia mempunyai potensi yang besar dan masa depan yang cerah ke arah itu.